



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
YAYASAN  
KEPIMPINAN  
PERDANA

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 JANUARY 2017


## Mengapa Kit Siang tidak hadir?

**KUALA LUMPUR 16 Jan.** - Ketidakhadiran Lim Kit Siang pada majlis pelancaran Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) kelmarin merupakan strategi Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk 'memancing' Pas membentuk kerjasama dengan parti itu.

Penganalisis politik, Raja Petra Kamaruddin berkata, usaha mendekati Pas akan terus dilakukan demi memastikan pakatan pembangkang memenangi pilihan raya umum akan datang melalui pertandingan satu lawan satu.

Untuk menjayakan hasrat itu katanya, Pas perlu menjadi sebahagian daripada pakatan pembangkang sekali pun hanya menjalin kerjasama dengan PPBM.

"Namun perkara itu tidak akan berlaku kerana Pas dan DAP tidak akan lagi 'tidur sekatil'. Dr. Mahathir pernah berkata, mereka perlukan Pas untuk menyertai Pakatan Harapan diketuai DAP atau sekurang-kurangnya membentuk pakatan pilihan raya dengan parti lain bagi memastikan tidak ada pertandingan tiga penjuru.



**RAJA PETRA  
KAMARUDDIN**

UM-17/1/2017  
"Maka atas sebab inilah Kit Siang tidak hadir pelancaran PPBM semalam kerana ia akan menyukarkan usaha Tan Sri Muhyiddin Yassin yang diberi tanggungjawab mendekati Pas supaya bersetuju membentuk sebarang kerjasama antara parti pembangkang," katanya seperti dipetik menerusi portal *Malaysia Today*, semalam.

Raja Petra berkata, sejarah membuktikan usaha menyatukan Pas dan DAP adalah lebih sukar berbanding meminta Dr. Mahathir bersara daripada

arena politik.

Namun katanya, sebelum ini Datuk Seri Anwar Ibrahim seolah-olah menjadi 'gam' apabila berjaya menyatukan kedua-dua parti itu dan mereka berada bersama-sama dalam Barisan Alternatif.

"Anwar tidak lagi relevan, jadi PPBM perlu menjadi 'gam' penyatuan itu semula. Namun usaha itu nampaknya amat mustahil. Sebab itu ketika Dr. Mahathir menjalin hubungan dengan DAP, Muhyiddin perlu mencari jalan bekerjasama dengan Pas.